



## KENYATAAN MEDIA

### PEMBUKAAN TASKA GENIUS PERPADUAN DI BAWAH KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

---

Putrajaya, 12 Jun 2020 - Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pemulihan yang diadakan pada 11 Jun 2020 telah bersetuju supaya tarikh operasi Taska Genius Perpaduan di bawah Kementerian Perpaduan Negara boleh **bermula pada 16 Jun 2020**.

2. Pembukaan Taska Genius Perpaduan adalah tertakluk kepada garis panduan yang memperincikan maklumat seperti berikut:
  - i. Aktiviti dan protokol oleh pendidik sebelum, semasa dan selepas Taska Genius Perpaduan beroperasi;
  - ii. Tanggungjawab ibu bapa dan/atau penjaga sebelum menghantar anak-anak ke Taska Genius Perpaduan;
  - iii. Tanggungjawab ibu bapa dan/atau penjaga dan pendidik semasa ketibaan anak-anak di Taska Genius Perpaduan dan
  - iv. Tanggungjawab ibu bapa dan/atau penjaga dan pendidik semasa menjemput anak-anak di Taska Genius Perpaduan.



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

3. Buat masa ini, Kementerian mempunyai 41 buah Taska Genius Perpaduan di seluruh Malaysia dengan kanak-kanak sejumlah 947 orang. Taburan Taska yang boleh beroperasi ialah seperti berikut:

NEGERI	BILANGAN	
	KELAS	KANAK-KANAK
Perlis	2	49
Kedah	3	70
Pulau Pinang	3	66
Perak	3	69
Selangor	2	48
Wp Kuala Lumpur	3	60
Negeri Sembilan	2	52
Melaka	4	94
Johor	2	40
Pahang	3	68
Terengganu	2	50
Kelantan	4	105
Sarawak	4	100
Sabah	2	40
Wp Labuan	2	36
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>41</b>	<b>947</b>

4. Pembukaan Taska Genius Perpaduan ini adalah berpandukan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pencegahan Penularan COVID-19 Pasca Perintah Kawalan Pergerakan bagi Keselamatan Warga TASKA yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan bagi memastikan kanak-kanak sentiasa berada dalam keadaan yang sihat dan selamat di kawasan TASKA.

**Kementerian Perpaduan Negara**

12 Jun 2020

**-TAMAT-**



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

**Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8041

Fax +603 8888 8568 / 569

E-mail : [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.100-2/1/4 (7)